

Perkenal cukai karbon langkah tangani pencemaran alam sekitar



Oleh Prof Madya Dr M Munusamy
bhrencana@bh.com.my

Belanjawan 2024 bakal dibentangkan pada Jumaat depan dan tumpuan sudah tentu ke arah bagaimana kerajaan mengimbangkan perbelanjaan mengurus dan sumber digunakan untuk memenuhi keperluan negara.

Lazimnya, kerajaan akan melakukan penstrukturan cukai bagi menyuntik dana untuk perbelanjaan, namun ia bergantung kepada sentimen tertentu serta mengambil kira sebab dan akibatnya.

Kerajaan sebelum ini pernah merancang untuk memperkenalkan cukai karbon bagi mencapai keseimbangan karbon sebelum 2050, namun belum ada tarikh khusus bila hendak diwujudkan. Setakat ini, cukai karbon dilaksanakan di beberapa negara maju sebagai

satu sumber pendapatan baharu dan pada masa sama boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Cukai karbon adalah antara langkah untuk mendorong industri memainkan peranan mengurangkan pencemaran udara, manakala hasil cukai digunakan untuk memperkasakan agenda negara bagi menghidupkan alam sekitar, membantu sosio-ekonomi rakyat dan memberikan insentif kepada sektor memerlukan bantuan.

Cukai karbon ialah cukai alam sekitar dikenakan ke atas sumber tenaga dilepaskan di atmosfera dikenali sebagai karbon dioksida (CO₂) bertujuan mengawal dan mengurangkan pelepasan CO₂. Cukai ini turut dikenali sebagai cukai pencemaran dikenakan ke atas pembakaran bahan api berasaskan karbon seperti gas, arang batu dan minyak.

Justeru, dengan mengenakan atau melaksanakan

cukai alam sekitar seperti cukai karbon, ia akan dapat menghapuskan atau mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar. Apa yang pasti, cukai karbon mempunyai kesan terhadap harga produk mengeluarkan CO₂ ke atmosfera.

Industri perlu mempertimbangkan jenis bahan api, tenaga dan komponen karbon digunakan dalam menghasilkan produk kerana harga produk akan terkesan akibat pengenaan cukai karbon. Jika pelepasan CO₂ tinggi ketika proses pengeluaran produk, bermakna cukai karbon yang tinggi akan dan berkemungkinan memacu pasaran produk lebih rendah.

Galak pengguna cari alternatif lain

Kos tenaga yang tinggi untuk perniagaan akan disalurkan kepada pengguna. Bermakna, industri perlu menyerap kos ini atau memindahkan kepada pengguna, tetapi ia boleh mengahbalang perniagaan daripada melabur dan berkembang. Semakin tinggi kos tenaga, semakin rendah keuntungan syarikat dan akan memberi kesan langsung kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“ Kerajaan boleh menggunakan hasil diperoleh daripada cukai karbon digunakan untuk memberi subsidi kepada golongan miskin ”

Sementara itu, cukai karbon terdiri daripada dua kategori iaitu cukai pelepasan dan cukai tenaga. Cukai pelepasan ialah cukai ke atas gas rumah hijau (GHG) yang mana pengguna perlu membayar cukai untuk setiap tan gas rumah hijau dikeluarkan.

Cukai tenaga pula ialah cukai dikenakan secara langsung ke atas komoditi tenaga iaitu surcaj ke atas bahan api fosil seperti minyak, arang batu dan gas asli. Matlamat mengenakan cukai tenaga adalah untuk membolehkan perniagaan dan pengguna menggunakan atau menukar sumber tenaga alternatif seperti kuasa air, angin dan solar.

Pengilang dan industri boleh mendapat manfaat sekiranya mereka menggantikan penggunaan elektrik kepada tenaga lain yang lebih cekap dan dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar. Apa yang penting, cukai karbon boleh menggalakkan pengusaha dan pengguna mencari alternatif lain dalam tenaga seperti tenaga solar.

Justeru, pelaburan untuk tenaga alternatif masa hadapan boleh dibangunkan dengan pengenalan cukai karbon di Malaysia. Di Malaysia, industri tidak tertakluk kepada cukai karbon. Penghapusan subsidi mungkin boleh berlaku pada masa hadapan atau pengurangan had subsidi peruntukan bahan api kepada industri.

Dalam hal ini, kerajaan boleh menggunakan hasil diperoleh daripada cukai karbon digunakan untuk memberi subsidi kepada golongan miskin. Industri yang membayar levi harus diberi sedikit pelepasan cukai.

Di sini, cukai karbon dianggap sebagai satu faedah jangka panjang pelaburan, menggalakkan kepayaan Malaysia bertukar menjadi negara bumi hijau, pertumbuhan pesat dan berdaya maju serta paling penting mengurangkan kemusnahan alam sekitar di Malaysia.

Persyarah Pusat
Pengajian
Perakaunan Tunjau
Intan Safinaz, Kolej
Perniagaan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)